

02 FEB 2004

Samy-Sekolah

MIC KEMUKA KERTAS KERJA MENGENAI SEKOLAH TAMIL

PETALING JAYA, 2 Feb (Bernama) -- MIC akan mengemukakan satu kertas kerja kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memohon bantuan tahunan sebanyak RM20 juta selama tempoh 10 tahun bertujuan menaiktaraf dan membaiki 180 buah sekolah Tamil di seluruh negara, kata presidennya Datuk Seri S. Samy Vellu.

"Kita biasa mendapat bantuan bagi tujuan itu tetapi bukan setiap tahun.

Sejak dua tahun lepas, kita tidak menerima sebarang bantuan bagi menaiktaraf sekolah Tamil," katanya.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata beliau telah membangkitkan mengenai perkara itu pada pertengahan tahun lepas tetapi

Perdana Menteri ketika itu Tun Dr Mahathir Mohamad meminta MIC membincangkannya dengan Abdullah yang dilantik sebagai Perdana Menteri pada 31 Okt.

"Perdana Menteri (Abdullah) (telah) meminta saya mengemukakan butiran.

Kita mempunyai 180 buah sekolah Tamil dan sebahagian besar daripadanya berkeadaan uzur," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sekolah Tamil Effingham di Bandar Utama di sini hari ini.

Beliau berkata keadaan infrastruktur sekolah-sekolah Tamil tidak akan berubah jika mengharapkan bantuan dari Kementerian Pendidikan semata-mata.

"Jika kita mendapat bantuan itu, kita dapat membaiki sekurang-kurangnya 20 buah sekolah setahun dan sepanjang 10 tahun, semua sekolah yang uzur akan mendapat manfaat. Bagaimanapun kita belum pasti sama ada bantuan itu akan diberikan. Jika tidak diberikan, kita terpaksa mencari alternatif," katanya.

Pada perkembangan lain, beliau berkata ibu pejabat baru MIC di Bandar Utama di sini dijangka siap lima atau enam tahun lagi.

MIC, katanya, telah memperolehi tapak seluas kira-kira 1 hektar di sebelah Sekolah Tamil Effingham dengan kos RM13 juta.

"Kita akan menyediakan plan bangunan ibu pejabat itu dalam

tempoh dua
tahun. Selepas bangunan siap, kita akan menjadikan Sekolah Tamil
Effingham
sebagai anak angkat," katanya.

Mengenai persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang,
Samy Vellu
berkata MIC akan mengadakan konvensyen jentera pilihan raya negeri
mulai 8
Feb ini di Perak.

Konvensyen seterusnya akan diadakan di Negeri Sembilan (15 Feb),
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (15 Feb), Pahang (22 Feb) dan Johor
(29
Feb).

Beliau berkata Abdullah dijadual berucap pada konvensyen di
Pulau
Pinang pada 14 Feb.

Katanya, semua 4,500 cawangan MIC di seluruh negara telah diarah
menggerakkan bilik gerakan pilihan raya masing-masing secepat
mungkin.

"Kita akan menghantar daftar pemilih kepada mereka dan mereka
boleh
membuat lawatan dari rumah ke rumah selepas itu," tambahnya.

--BERNAMA

SR VP RV MOZ